

Usah sempitkan agama: Mahathir

Oleh Othman Mamat

BUKIT KAYU HITAM, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam agar jangan terlalu mudah terpesong dengan perkara remeh seperti larangan ketawa dan menyanyi, sehingga lupa kepada tanggungjawab yang lebih besar.

Perdana Menteri berkata, gejala seperti itu semakin menular kebelakangan ini sehingga ada guru yang mengajar murid supaya jangan ketawa, jangan gelak sama sekali dan tidak boleh menyanyi.

Semua ini diajar kepada murid di sekolah tetapi pada masa yang sama, guru terbabit tidak menekankan betapa penting umat Islam mempunyai pengetahuan dan kebolehan supaya mereka dapat mempertahankan diri dan negara.

Serentak itu, beliau mengaitkannya dengan peristiwa pahit yang dilalui umat Islam di Bosnia yang menghadapi pelbagai penderitaan akibat bermacam-macam penyesakan dilakukan oleh puak Serb.

"Kita (umat Islam) tidak boleh berbuat apa-apa kerana tidak mempunyai kekuatan sebaliknya terpaksa meminta (pertolongan) kepada orang lain supaya membantu orang Islam Bosnia.

sekarang sudah tidak Islam kerana kecewa dengan bermacam-macam ajaran yang disampaikan kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri mengajak umat Islam melihat diri masing-masing untuk mengetahui sama ada ajaran yang sempit itu selari dengan ajaran Islam atau sekadar mengikut tafsiran guru itu sendiri.

Dr Mahathir juga kecewa dengan sikap umat Islam yang ingin mendapatkan masjid, surau dan tempat ibadat yang cantik serta lengkap dengan pelbagai kemudahan tetapi tidak berusaha mencari wang yang cukup untuk membayar zakat.

Kerajaan dapat mendirikan masjid seperti yang dikehendaki oleh umat Islam tetapi menggunakan sumber kewangan yang dikutip menerusi bayaran cukai penganut agama lain.

Selain tidak dapat mengadakan wang, umat Islam sendiri tidak mempunyai kemahiran dan kebolehan membina masjid yang cantik kerana tidak berpengetahuan yang cukup.

"Bahkan, hendak membangunkan masjid yang tidak cantik sekalipun, kita (umat Islam) tidak ada keupayaan.

"Nasib baik ada orang lain yang boleh menolong

"Bila mereka (kuasa besar) tidak menolong, kita amat kecewa tetapi sepatutnya kita lebih kecewa dengan diri kita sendiri kerana tidak boleh memberi pertolongan yang berkesan," katanya.

Berucap di majlis perletakan batu asas Masjid Bukit Kayu Hitam dalam daerah Kubang Pasu di sini, hari ini, Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen kawasan itu bimbang ajaran agama yang sempit akan menyebabkan umat Islam semakin lemah, kerdil dan bodoh.

Beliau berkata, jika keadaan itu berlaku, umat Islam akan kecewa dengan agama yang mereka anuti sekarang dan akhirnya bertindak meninggalkan Islam.

"Ini bukan perkara baru tetapi sudah berlaku di banyak tempat di mana rang yang dulunya Islam

membina masjid supaya umat Islam dapat bersembahyang jemaah.

"Kalau kita hidup tanpa orang lain dalam negara ini, sudah tentu masjid kita menjadi masjid yang buruk," katanya.

Menurutnya, jika umat Islam tidak boleh menyanyi tetapi mempunyai pengetahuan dan kebolehan membina masjid yang cantik, itu sudah dikira cukup bagus.

Perdana Menteri berkata, dalam pergelutan menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020, kerajaan tidak pernah lupa terhadap pembangunan agama dan kerohanian.

Pegangan agama diberi keutamaan kerana berdasarkan pengalaman, banyak negara maju akhirnya hancur kerana terlalu taksud dengan kemewa-

LIHAT MUKA 2

Usah sempitkan agama: Mahathir

DARI MUKA 1

han hidup sehingga lupa kepada agama.

Berikutan itu, katanya, negara berkenaan menghadapi banyak masalah dan kemerosotan terutama dari segi nilai hidup serta keruntuhan akhlak sehingga penduduknya tidak lagi menghormati institusi perkahwinan, ke-

uarga dan penghormatan kepada orang tua.

"Yang ditekankan mereka ialah kebebasan semata-mata... hinga menjadi tidak sopan.

"Kita percaya lambat laun, masyarakat mereka akan hancur kerana tidak ada pegangan kepada nilai mulia," katanya.